

30/10/1997

Kuorum sidang tahun ini dijangka cukup

SIDANG Kemuncak Kumpulan 15 (G15) bebas daripada ancaman tidak cukup kuorum apabila tujuh ketua kerajaan dan dua timbalan ketua negara anggotanya mengesahkan kehadiran mereka pada mesyuarat itu yang bermula Isnin depan.

Sehingga ini, pemimpin tertinggi India, Malaysia, Argentina, Jamaica, Peru, Indonesia, Mesir, Zimbabwe dan Algeria memastikan penyertaan mereka dalam sidang kemuncak kali ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamed, berkata Malaysia berpuas hati dengan penyertaan pemimpin negara terbabit.

"Sejak jumlah kuorum penyertaan G15 ditetapkan sekurang-kurangnya seramai lapan pemimpin negara atau wakilnya selepas soal tidak cukup korum berlaku di India beberapa tahun dulu, Sidang Kemuncak G15 tidak pernah mengalami masalah itu," katanya kepada pemberita dalam taklimat di sini hari ini.

Difahamkan, selain Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, enam ketua negara yang dijadual menghadiri sidang kali ini ialah Presiden Mesir, Hosni Mubarak; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe; Presiden Algeria, Liamine Zeroul; Presiden Suharto dari Indonesia; Presiden Peru, Alberto Fujimori; dan Perdana Menteri India, Inder Kumar Gujral.

Dua timbalan ketua negara mewakili ketua negara masing-masing ialah Naib Presiden Argentina, Dr Carlos Ruckauf dan Timbalan Perdana Menteri Jamaica, Seymour Mullings.

(END)